



TAUDHIH AL-FALAK

PERBEZAAN DATA-DATA KEDUDUKAN ANAK BULAN ZULHIJJAH 1445H ANTARA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI

Tarikh: 7 Jun 2024

Disediakan oleh: Nabeela Akrasha binti Surtahman

Pendahuluan

Cerapan anak bulan Zulhijjah 1445H di Malaysia akan dilakukan pada hari Jumaat, 7 Jun 2024 bersamaan 29 Zulqa'dah 1445H. Cerapan anak bulan Zulhijjah 1445H akan dilakukan di 29 buah lokasi cerapan yang telah diwartakan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Manakala cerapan anak bulan Zulhijjah 1445H di Arab Saudi pula akan dilakukan lebih awal sehari iaitu pada hari Khamis 6 Jun 2024 bersamaan 29 Zulqa'dah 1445H di sana, sedangkan pada hari tersebut, tarikh di Malaysia adalah 28 Zulqa'dah 1445H.

Asas Kepada Berlakunya Perbezaan Tarikh Cerapan?

Perbezaan tarikh ini adalah disebabkan perbezaan kriteria dalam menentukan awal bulan Islam yang diamalkan oleh negara-negara. Malaysia mengamalkan kriteria *imkan ar-rukyah* manakala negara-negara lain mengamalkan antaranya kriteria *wujudul hilal*.

Kriteria *imkan ar-rukyah* bermaksud anak bulan dianggap boleh kelihatan apabila ketika matahari terbenam, ketinggian anak bulan di atas ufuk tidak kurang dari 3° dan jarak lengkung anak bulan-matahari tidak kurang dari 6.4°¹.

Manakala menurut kriteria *wujudul hilal*, anak bulan dianggap kelihatan apabila cukup sekadar ketika matahari terbenam pada hari cerapan, kedudukan anak bulan berada di atas ufuk.


Perbezaan tarikh ini juga disebabkan perbezaan *matla'* antara Malaysia dan Arab Saudi. *Matla'* merupakan keluasan atau had sempadan sesuatu tempat untuk melihat anak bulan. *Matla'* Arab Saudi yang berkedudukan lebih barat dari Malaysia menyebabkan peluang kenampakan anak bulan pada waktu matahari terbenam adalah lebih tinggi di Arab Saudi berbanding di Malaysia. Hal ini kerana, perbezaan masa antara Malaysia dan Arab Saudi menyebabkan kematangan umur anak bulan dan kelebaran fizikal bulan yang mengenai cahaya matahari.

¹ Kriteria ini telah dipersetujui pelaksanaannya pada tahun 2021 (Muharram 1443H) selaras dengan Keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) MABIMS Kali Ke-44.

Perbezaan ini telah menyebabkan tarikh 1 Zulqa'dah 1445H antara Malaysia dan Arab Saudi berbeza satu hari yang akhirnya menyebabkan tarikh 29 Zulqa'dah 1445H iaitu tarikh cerapan anak bulan Zulhijjah 1445H juga turut berbeza.


Data-Data Kedudukan Anak Bulan Zulhijjah

Rajah di bawah menunjukkan ilustrasi anak bulan Zulhijjah pada 6 Jun 2024 di kedua-dua negara tersebut.



Rajah 1: Bulan berada di atas ufuk dengan altitud 1.29° ketika matahari terbenam.


Tarikh: 6 Jun 2024
Lokasi: Mekah
Sumber: *appfalak.com*



Rajah 2: Bulan berada di bawah ufuk ketika matahari terbenam. Justeru, cerapan tidak dilakukan pada hari berkenaan.

Tarikh: 6 Jun 2024
Lokasi: Shah Alam, Selangor
Sumber: *appfalak.com*

Rajah 2 menunjukkan kedudukan bulan di Malaysia (Shah Alam, Selangor) pada 6 Jun 2024. Ketika matahari terbenam, ijtimak belum berlaku di Malaysia. Ijtimak berlaku pada jam 08:38 malam. Bulan masih berada di fasa akhir dan belum memasuki fasa bulan yang baharu. Maka, apabila matahari terbenam pada hari berkenaan, bulan telah terbenam dahulu daripada matahari dan kedudukannya berada di bawah ufuk. Manakala, pada hari berikutnya, 7 Jun 2024; bulan telah berada di atas ufuk ketika matahari terbenam seperti yang digambarkan di dalam rajah 3.



Rajah 3: Bulan memenuhi kriteria minimum penampakan anak bulan di Malaysia pada 7 Jun 2024.

Tarikh: 7 Jun 2024
Lokasi: Shah Alam, Selangor
Sumber: *appfalak.com*

Kesimpulan

Berdasarkan data-data kedudukan anak bulan pada 6 Jun 2024 dan 7 Jun 2024, Arab Saudi mempunyai peluang untuk melihat anak bulan Zulhijjah 1445H dalam tempoh 6-7 minit selepas matahari terbenam di sana. Manakala di Malaysia, anak bulan mustahil untuk dilihat pada tarikh 6 Jun 2024 yang bersamaan dengan 28 Zulqa'dah 1445H di sini. Namun, pada 7 Jun 2024 bersamaan 29 Zulqa'dah 1445H di Malaysia, peluang untuk melihat anak bulan yang berumur 22 jam amat besar jika cuaca mengizinkan, insha Allah.



Kedudukan Anak Bulan Zulhijjah antara Arab Saudi dan Malaysia




ARAB SAUDI



Di Arab Saudi, ijtimaq bulan matahari berlaku pada jam 3:38 petang waktu Arab Saudi.



MALAYSIA



Kedudukan bulan di Malaysia pada 6 Jun 2024.



Kedudukan bulan di Arab Saudi pada 6 Jun 2024.

Di Malaysia, ijtimaq belum berlaku ketika matahari terbenam. Ijtimaq di Malaysia berlaku pada jam 8:38 malam.

Bermakna, ketika matahari terbenam, bulan baharu di Arab Saudi tetapi bulan tua di Malaysia.

Sumber: appfalak.com

www.muftiselangor.gov.my



Jabatan Mufti Negeri Selangor



@MuftiSelangor